



## " MARI FAHAMIZAKAT FITRAH "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا  
الصَّلِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُوْهَ لَهُمْ  
أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ  
يَحْزَنُونَ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ  
وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا آتُّهُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan juga sidang jemaah sekalian, agar kita sama-sama berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang paling mulia di sisi Allah ialah, mereka yang paling tinggi takwanya.

Pada kesempatan ini juga, marilah kita bersama-sama mengucapkan syukur kepada Allah SWT, lantaran masih lagi diberikan kesempatan untuk terus berada di dalam bulan Ramadhan yang mulia ini. Bulan yang penuh dengan keberkatan, dijanjikan ganjaran pahala yang berganda dan berlimpah-limpah bagi setiap amalan.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Zakat fitrah amat erat kaitannya dengan bulan Ramadhan. Menjelang sahaja bulan puasa ini, maka semua umat Islam merasa ter panggil untuk segera menunaikan kewajipan zakat fitrah. Namun begitu, fahamkah kita tentang ibadah yang dinamakan sebagai zakat fitrah ini?



Zakat fitrah adalah salah satu daripada dua jenis zakat, iaitu zakat harta dan zakat fitrah atau disebut juga sebagai zakat badan. Ia difardukan oleh Allah SWT pada tahun kedua hijrah.

Dari segi kewajipannya, zakat fitrah dikenakan kepada semua umat Islam, sama ada merdeka mahu pun hamba sahaya, bayi, anak-anak kecil mahu pun dewasa, orang yang berakal mahu pun orang gila.

Ibnu Umar r.a memberitahu bahawa:

*"Rasulullah s.a.w mewajibkan zakat fitrah ke atas anak kecil, orang dewasa, orang merdeka dan hamba sahaya daripada orang-orang yang dibawah tanggungan seseorang".*

*(Riwayat Daruquthni)*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Zakat fitrah mempunyai nisab yang berbeza dengan zakat harta. Dalam hal ini, Islam menetapkan bahawa seseorang itu memiliki makanan yang cukup baginya untuk malam hari raya sehinggalah ke siangnya wajib ia mengeluarkan zakat fitrah.

Kadar zakat fitrah pula ditetapkan sebanyak segantang Baghdad berdasarkan makanan asasi sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, ia menyamai 2.7 kg dan ketetapan nilai kadar harga beras sebanyak itu pula adalah berubah-ubah dari setahun ke setahun bergantung kepada harga beras semasa.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan harga zakat fitrah di Negeri Selangor yang menyamai harga beras semasa ialah RM7.00 iaitu kadar harga beras gred sederhana.



Adalah dengan penetapan ini diharap umat Islam di Negeri Selangor mampu menunaikan zakat fitrah pada masa yang ditetapkan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Bilakah waktunya bagi kita menunaikan zakat fitrah ini? Ada sesetengah orang suka menunggu saat-saat terakhir, yakni sebelum mendirikan solat sunat Aidilfitri untuk mengeluarkannya dengan alasan itulah waktu yang paling utama. Sesungguhnya, dalam kitab Fiqh al-Manhaji, Jilid Pertama telah membahaskan secara terperinci mengenai waktu mengeluarkan zakat fitrah ini seperti berikut:

“Sesiapa yang mengeluarkan zakat fitrah bermula dari 1 Ramadan, hukumnya adalah sah dan harus. Jika ia mengeluarkannya pada masa selepas tenggelam matahari pada akhir Ramadhan sehingga sebelum solat raya, maka ketika itu adalah waktu yang afdal. Adapun orang yang mengeluarkannya selepas solat Aidulfitri, maka hukumnya adalah makruh, tetapi sesiapa yang melambatkannya sehingga terbenam matahari 1 Syawal, maka dia adalah berdosa; namun ia tetap wajib mengeluarkannya dan ketika itu ia dianggap sebagai qada’.

Sungguh pun waktu yang terbaik ialah sebelum solat aidilfitri, namun janganlah kita menunggu sehingga ke saat itu. Tunaikanlah sejak awal Ramadhan lagi, kerana ia akan lebih memudahkan urusan dan dapat mengelakkan risiko terlambat atau terlupa menunaikannya. Pastikan juga kita menyerahkan zakat fitrah hanya kepada amil yang bertauliah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Selangor.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Hikmah zakat fitrah amat banyak. Antaranya adalah;

Pertama : Dapat menjamin kegembiraan semua umat Islam.

Inilah yang telah disebut dalam hadis daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda,

لِلصَّائِمِ فَرْحَةٌ : فَرْحَةٌ عِنْدَ فِطْرِهِ  
وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ.

*"Bagi orang yang berpuasa ia akan mendapat dua kegembiraan; pertama ketika ia berbuka atau ketika berhariraya dan keduanya ketika ia berjumpa Allah".*

*(Riwayat Imam Muslim)*

Kedua : Zakat fitrah juga mampu mengikis sifat tamak dan kedekut dalam diri manusia. Akan tersingkaplah tirai kesombongan dan diganti dengan rasa rendah diri dan saling berkongsi rezeki kurniaan Allah SWT ini. Seandainya mahu berkongsi RM7.00 pun sudah merasa susah, maka bagaimana pula mereka mampu memberi lebih banyak dengan membayar zakat harta dan bersedekah?

Ketiga : Zakat fitrah juga memupuk perasaan kasih-sayang khususnya dari kalangan fakir miskin kepada orang-



orang kaya, sehingga dengan itu hilanglah rasa hasad dan dengki yang mampu merosakkan perhubungan yang harmoni dalam kalangan umat Islam.

Keempat : Zakat fitrah ini adalah suatu cara pembersihan diri kepada umat Islam.

Ibnu Abbas r.a memberitahu bahawa:

*"Rasulullah s.a.w telah mewajibkan zakat fitrah, untuk membersihkan orang yang berpuasa daripada ucapan yang tiada manfaatnya dan kata-kata yang kotor, serta untuk memberikan makanan kepada orang-orang miskin".* (Riwayat Abu Daud)

Kelima : Zakat fitrah mampu menzahirkan kesatuan akidah dan kesatuan amal yang dikehendaki oleh Allah SWT, antaranya saling tolong-menolong dan meringankan beban.

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ ۚ وَلَا  
ۖ تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوْنِ ۚ ...

*"Hendaklah kamu bantu-membantu untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, janganlah pula kamu bantu-membantu pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah);*



*dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat azab-Nya”.*

(al-Maidah: 2).

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, kedatangan Ramadan al-Mubarak inilah masanya bagi kita untuk menunjukkan betapa tingginya hemah kita sebagai seorang muslim, yakni seorang mukmin yang menyantuni sesama saudaranya dengan penuh keikhlasan dan kepatuhan kepada agama. Marilah kita menuai zakat fitrah ini dengan penuh keikhlasan dan kesedaran.

Daripada Salman al-Farisi r.a bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:


*“Sesiapa yang mendampingkan dirinya kepada Allah dalam bulan Ramadan dengan sesuatu daripada perkara-perkara kebajikan (sunat), maka samalah seperti dia mengerjakan satu perintah Allah yang diwajibkan (fardu) pada bulan itu, dan sesiapa yang menunaikan satu perkara yang diwajibkan Allah pada bulan itu (seperti zakat), maka samalah seperti dia menunaikan 70 perkara yang diwajibkan Allah pada bulan-bulan yang lain”.* (Riwayat Ibn Khuzaimah)

Inilah suatu ganjaran pahala yang amat besar, yang ditawarkan Allah SWT pada bulan Ramadhan ini. Maka, tidak salah sebenarnya bagi semua umat Islam untuk menjadikan Ramadhan sebagai bulan berzakat, yakni bukan sekadar zakat fitrah, tetapi juga menunaikan zakat harta yang lain seperti zakat emas, pendapatan, wang simpanan, zakat saham, zakat perniagaan, zakat ternakan dan zakat pertanian.



Yakinlah, zakat dan sedekah yang dihulurkan kepada fakir dan miskin ini ibarat baja yang akan menyuburkan harta. Fungsinya sama seperti baja dan air yang menyuburkan seponoh pokok. Akhirnya pokok itu membesar dengan rendang, batangnya teguh mengukuh awan, dahannya tegap mengeluarkan dedaunan dan akhirnya akan memutik buah-buahan yang kelak meranum bak manisan. Bukankah ini habuan bagi orang yang menanam dan sentiasa menjaga pokok yang ditanamnya. Maka, orang yang berzakat dan bersedekah, pahalanya dijanjikan Allah SWT bahkan diberikan keberkatan hidup sejak di atas dunia ini lagi.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَثْلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ كَأَمْوَالِهِمْ أَبْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ  
وَتَشْبِيتًا مِنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثْلِ جَنَّةِ بِرْبُورٍ أَصَابَهَا وَابْلُو  
فَعَاتَتْ أَكُلَّهَا ضِعَفَيْنِ فَإِنْ لَمْ يُصِبَهَا وَابْلُو فَطَلْوَ  
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ



"Dan perumpamaan (nafkah daripada) orang yang membelanjakan hartanya untuk mencari keredhaan Allah dan untuk meneguhkan (keimanan dan keikhlasan) yang timbul daripada jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di dataran yang tinggi yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Namun, jika ia tidak ditimpa hujan



lebat pun, maka hujan renyai-renyai sudah memadai. Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan".

(Al-Baqarah: 265)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ。

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ。قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّهَا الظَّرِيمَةُ إِنَّمَّا صَلَوَ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيماً。



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ  
عِنَائِيكَ الرَّبَانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِيكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَّمَاعُورَ، سُلْطَانَ شَرَفَ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين  
عبد العزيز شاه الحاج.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ  
ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ  
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru, kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Ya Allah, bukakanlah hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعَمِهِ، يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ، يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.